



PUSTAKA YAKIN PELAJAR SDN. BHD.

NO. PENGENALAN DIRI

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

TASAWWUR ISLAM

5226

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi 20 soalan objektif pelbagai bentuk dan Bahagian B mengandungi enam soalan subjektif.*
3. *Jawab semua soalan.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
5. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

--

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

**UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN**

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB

NO. PUSAT MENUMPANG

--	--	--	--	--	--

D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN ATAU PERALATAN TAMBAHAN

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

TANDATANGAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[20 markah]


*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga soalan 4***Tentukan istilah yang betul bagi setiap pernyataan berikut.*

1. Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala suruhan Allah SWT.
2. Amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah SWT sama ada fardu atau sunat.
3. Ketidakpastian dalam sesuatu akad jual beli sama ada kuantiti, kualiti dan lain-lain.
4. Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib di laksanakan sebagai menunaikan hak Allah.

Soalan 5 hingga soalan 8*Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang paling sesuai.*

Membunuh	Murtad	Wahyu	Khalifah	Rasul	Hamba
----------	--------	-------	----------	-------	-------

5. Manusia dicipta sebagai _____ untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT.
6. Selepas kewafatan Rasulullah SAW, _____ tidak lagi diturunkan.
7. Mereka yang _____ dan enggan bertaubat setelah diminta akan dihukum bunuh.
8. Diat bagi mereka yang _____ dengan tidak sengaja adalah 100 ekor unta yang boleh dibayar secara ansuran selama 3 tahun.

Soalan 9 dan soalan 10*Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan Asas Pergaulan dalam Islam.*

9. P ialah _____.

10. Q ialah _____.

Soalan 11 dan soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan sistem ekonomi konvensional berikut.


Sumber Utama Sistem Sosial Islam	
R	Gabungan dasar dua prinsip iaitu kapitalis dan komunis. Pemilikan individu dibuka dalam skop terhad.
S	Berasaskan kebebasan mutlak individu. (<i>Laissez Faire</i>) Sistem berasaskan riba menjadi amalan.

11. R ialah _____.

12. S ialah _____.

Soalan 13 hingga soalan 15

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan Pembentukan Negara Islam.



13. X ialah _____.

14. Y ialah _____.

15. Z ialah _____.

Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

16. Roh akan ditiupkan pada jasad ketika fasa 'alaqah.
17. Antara tanggungjawab manusia kepada manusia adalah memelihara hak jiran.
18. Anugerah akal yang dikurniakan Allah mampu memikirkan zat-Nya.
19. Rasulullah pernah mengutuskan Saidina Ali bin Abi Talib ke Yaman untuk menjadi hakim di sana.
20. Bilangan saksi bagi kes perzinaan adalah 4 orang lelaki.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan manusia sebagai hamba Allah?

[2 markah]

(ii) Terangkan **dua** cara manusia memakmurkan bumi yang bertepatan dengan syarak.

[4 markah]

Rabbaniyyah, Syumuliyah dan 'Alamiyyah adalah antara ciri-ciri pandangan hidup Islam.

(b) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam.

[4 markah]

(c) Jelaskan **dua** sebab Islam menuntut umatnya untuk bekerja.

[4 markah]

(d) (i) Apakah beza antara muamalat al-Mudarabah dan al-Murabahah?

[2 markah]

Murah HomeStay

• Ampang
• Pandan Indah
• Cheras
• AU3 Keramat
• Kuala Lumpur
• Selangor
• Kuching – Sarawak



RUMAH TERES / APARTMENT / LOT BANGLO

KEMUDAHAN DAN BILIK LENGKAP,
MURAH DAN SELESA

012-345 6789









www.MurahHomeStay.com

- (ii) Huraikan jenis muamalat Islam yang boleh dilakukan jika anda ingin mendiami rumah inap tersebut.

[4 markah]

- 2 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perundangan islam?

- (ii) Nyatakan **dua** peringkat alam yang dilalui oleh manusia.

[2 markah]

- (b) (i) Terangkan **dua** punca manusia mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai khalifah Allah SWT.

- (ii) Jelaskan **dua** perkara yang boleh dilakukan oleh seorang pelajar dalam melaksanakan tugas sebagai seorang khalifah.

[4 markah]

- (c) Berikan **dua** jenis muamalat yang berkonsepkan kontrak jual beli.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

KUALALUMPUR: Sebanyak 638 kes bunuh diri dilaporkan berlaku di negara ini di antara Januari hingga Julai tahun ini, iaitu peningkatan 143 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata berdasarkan laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah itu meningkat 1.4 kali ganda, berbanding 262 kes sahaja tahun lalu.

Sumber: Berita Harian pada 10 September 2021

- (d) (i) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pandangan Islam terhadap masalah di atas?

[4 markah]

- (e) Jelaskan tindakan yang boleh dilakukan oleh individu bagi mematuhi perundangan Islam.

[4 markah]

- 3 (a) Apakah maksud al-Sunnah?

[2 markah]

- (b) (i) Terangkan hak asasi bagi seorang manusia di Malaysia.

[2 markah]

KOTA BHARU: Perbuatan sihir, hamil luar nikah, zina dan pondan antara kes jenayah syariah yang dilaporkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) bagi tempoh Januari hingga Februari tahun ini.

Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK), Dr Hasnan Ramli, berkata bagi perbuatan sihir pihaknya menerima laporan dua kes, hamil luar nikah membabitkan lima kes manakala melakukan zina dan pondan masing-masing satu kes.

Sumber: Utusan Malaysia pada 7 April 2022

- (ii) Berdasarkan pernyataan di atas, hak asasi manakah yang telah dilanggar dalam kes-kes di atas?

[2 markah]

- (iii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan bagi membendung kes-kes di atas dari berleluasa?

[4 markah]

- (c) (i) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan tadbir urus dalam sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap individu.

[4 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** tindakan yang boleh dilakukan dalam merealisasikan prinsip tadbir urus Islam dalam sesebuah organisasi.

[4 markah]

- (d) Terangkan **dua** aspek yang ditekankan oleh Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah.

[2 markah]

- 4 (a) Terangkan maksud Perbuatan (Af'al) Allah dalam konsep akidah.

[2 markah]

- (b) (i) Senaraikan **dua** ciri-ciri akhlak menurut Islam.

[2 markah]



- (ii) Berdasarkan gambar di atas, huraikan tentang akhlak mahmudah yang perlu diamalkan ketika membuat aktiviti di atas.

[6 markah]

(c) Berikan maksud sistem ekonomi konvensional.

[2 markah]

(d) Terangkan kesan jika umat Islam mengabaikan Sistem Ekonomi Islam.

[2 markah]

(e)

PETALING JAYA: Lembaga Tabung Haji (TH) menjangkakan kos untuk jemaah Muassasah menunaikan ibadat haji pada tahun ini (1443H/2022M) akan meningkat kepada lebih RM25,000 untuk seorang susulan peningkatan berkaitan cukai dan caj perkhidmatan baharu yang dikenakan kerajaan Arab Saudi.

Peningkatan ini mengambil kira peningkatan Cukai Tambah Nilai yang telah dinaikkan daripada lima peratus kepada 15 peratus dan beberapa caj perkhidmatan tambahan, tidak mengambil kira pelbagai peningkatan kos dengan prosedur operasi standard (SOP) baharu yang akan dilaksanakan tahun ini.

Sumber: olahan semula dari Utusan Malaysia pada 7 April 2022

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah yang akan anda lakukan sekiranya kos haji terus meningkat? Huraikan jawapan anda.

[6 markah]

- 5 (a) (i) Senaraikan **dua** hubungan antara hamba dan khalifah.

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** tujuan penciptaan manusia.

[4 markah]

- (b) Jelaskan **dua** kedudukan wahyu kepada manusia.

[4 markah]

- (c) Berikan maksud kehakiman dari sudut Islam.

[2 markah]

WALAUPUN tidak menggunakan nama LGBT secara spesifik, gerakan menyokong agenda LGBT telah lama bermula dengan sejarah yang cukup panjang dan perkembangan dari masa ke masa.

Sekitar abad ke-18 dan abad ke-19 di Eropah, hubungan homoseksual adalah dianggap sebagai satu kesalahan jenayah serius dan perbuatan tidak bermoral dalam masyarakat

- (e) (i) Nyatakan **dua** bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada pesalah di dalam pernyataan di atas.

[2 markah]

- (ii) Huraikan tindakan yang boleh dilakukan bagi memastikan isu tersebut dapat diselesaikan.

[4 markah]

- (iii) Nyatakan **dua** cara lain untuk membantu golongan di atas.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

6 (a) (i) Nyatakan **dua** keperluan asas yang perlu disediakan oleh suami.

[2 markah]

(ii) Terangkan **dua** peranan seorang isteri di dalam sesebuah keluarga.

[4 markah]

(b) Jelaskan **dua** sifat mahmudah yang perlu ada dalam sesebuah pergaulan.

[4 markah]

Kerajaan Turki Uthmaniyyah merupakan antara kerajaan terbesar
di dunia suatu ketika dahulu.

(c) Berdasarkan pernyataan di atas, apakah cara untuk mengembalikan kegemilangan kerajaan Islam?

[6 markah]

(d) Jelaskan **dua** tindakan yang boleh diambil oleh individu dalam mengamalkan kehidupan bernegara.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT